



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 6 FEBRUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	PELADANG MASIH TUNGGU EDARAN 15,000 TAN BAJA, LOKAL, HM -13 'HARGA RM1,500 PUN MEMENATKAN KAMI', NEGARA, KOSMO -14 MADA KEDAH, PERLIS MANFAAT RM1b TINGKAT PENGELUARAN PADI, NASIONAL, BH -8 'KALAU DAPAT RM1,800 PUN TAK APA', NASIONAL, SH -12 FARMERS STILL IN LIMBO OVER 20,000 TONNES OF FERTILISERS, NATION, THE STAR -11 DASAR BERAS NEGARA TIDAK DIKEMAS KINI LEBIH 20 TAHUN, UTARA, HAKAH -21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7. 8.	JAWATANKUASA KHAS BEBAS KAJI SEMULA OPERASI NAFAS DITUBUH, NASIONAL, BH -6 TASK FORCE TO BREATHE NEW LIFE INTO NAFAS, NATION, NST -7	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
9. 10. 11. 12.	DANA RM300,000 TANAMAN ANGGUR, MELON MADU, BAWANG, TIMUR, HAKAH -15 TANAM SAYUR DALAM BANGUNAN, LAPORAN KHAS, HM -6 'DAPAT PENDEDAHAN AWAL DARI RUMAH, LAPORAN KHAS, HM -6 PERTANIAN MODEN TINGKAT HASIL OPTIMUM, LAPORAN KHAS, HM -7	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Peladang masih tunggu edaran 15,000 tan baja

Kuala Lumpur: Bekas Menteri Pertanian dan Industri Makanan mendakwa peladang di beberapa negeri menunggu edaran baja hampir 15,000 tan metrik yang tertunggak daripada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (PN-Beluran) mendakwa antara negeri itu termasuk Kelantan, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

“Kita tak boleh lari daripada hakikat bahawa Nafas ini diwujudkan atas asas pemegang saham.

Penambahbaikan yang dilakar dan pembentukan majlis penasihat ini menjangkakan pengurusan Nafas akan bertambah baik.

“Tetapi jika kita lihat serentak ini di Kelantan, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak, peladang menunggu edaran baja daripada Nafas yang tertunggak,” katanya semasa mengemukakan soalan tambahan sewaktu pertanyaannya menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Sementara, **Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan,**

Datuk Arthur Joseph Kurup semasa menjawab pertanyaan itu berkata, pihaknya akan mengkaji semula operasi dan melakukan penambahbaikan dengan penstrukturan Nafas.

Selain itu katanya, satu jawatankuasa khas bebas juga akan ditubuhkan dan memberikan cadangan perniagaan Nafas untuk lima tahun akan datang.

“Dalam usaha itu juga, kita akan melaksanakan satu proses di mana syarikat-syarikat subsidiari yang tak berfungsi atau tidak aktif...kita akan gabungkan,” katanya.

'Harga RM1,500 pun memenangkan kami'

- Pesawah masih tak senang duduk jaminan kerajaan
- Tetap mahu kadar RM1,800 per tan

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

JERLUN - Jaminan kerajaan untuk mengumunkan harga lantai belian padi baharu pada minggu depan belum memberi kelegaan sepenuhnya kepada golongan petani yang mengusahakan sawah di negeri ini.

Rata-rata mereka mendakwa, setakat ini belum ada jaminan harga lantai tersebut akan diraikan hingga paras yang dirasakan sesuai iaitu RM1,800 per tan.

Menurut Ahli Jemaah Pengarah Muda Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Asyiedul Khairi Che Omar, golongan petani amat berharap agar kerajaan menubuhkan perumitan mereka kerana nilai RM1,800 itu dilihat paling munasabah dalam keadaan semasa.

"Kalau dapat diumumkan harga lantai itu pada paras RM1,800, maka golongan pesawah akan rasa terbelah dan boleh menam-

pung kehidupan dengan lebih selesa. Pada musim menuai ketika ini, khabarnya ada kilang-kilang yang telah membuat pembelian pada paras RM1,500 berbanding harga lantai semasa RM1,300.

"Jumlah RM1,500 itu pun sebenarnya 'memenangkan' buat kami. Dengan nilai itu, kami langkakan pendapatan pesawah hanyalah kira-kira RM200 sebulan berikutan peningkatan kos selain peruntukan hasil disebabkan pelbagai penyakit padi kebelakangan ini.

"Bukan, kami tak bersyukur dengan nilai RM1,500, tetapi kos yang ditanggung selama ini terlalu membengkakan. Sudahlah segala input pertanian naik harga, kami ditekankan pula dengan peningkatan kos jentera berikutan penyaliran subsidi diesel sebelum ini," katanya ketika ditemui pada Perhimpunan Aman Padi Menuntut Kenaikan Harga Lantai Padi RM1,800 di Kampung Lana Bulu, di sini kelmarin.

Tetapan harga belian padi RM1,800'



Dalam sidang Dewan Rakyat kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan harga lantai belian padi minggu depan.

Sementara itu, Pengerusi PPK A2 Kedah, Mohd. Shukri Sam-suddin, 60, berkata, kerajaan ketika ini dilihat tidak mempunyai pilihan selain menaikkan harga beras tempatan yang kekal pada kadar RM2.60 dan tidak pernah dikaji sejak 17 tahun lalu.

"Ketika ini golongan pesawah sendiri sudah tidak dapat membeli beras pada harga itu, malah terpaksa membelinya pada harga mahal, sama seperti rakyat lain.

"Selama ini pun kita memang sudah beli beras pada harga lebih mahal kerana 'permahalan' pihak tertentu yang mencampurkan beras tempatan dengan import untuk dijual pada harga lebih tinggi. Kami golongan pesawah ini pula terus tertekan kerana kos kian meningkat.

"Kalau tak mahu harga beras naik, beri subsidi secara terus kepada pesawah. Sebagai contoh, tetapkan harga lantai belian padi pada RM1,400. Kemudian, beri tambahan subsidi RM400 kepada kami agar nasib para petani dapat dibela," tambahnya.



PESAWAH berhimpun secara aman bagi menuntut kenaikan harga lantai belian padi RM1,800 di Kampung Lana Bulu, Jerlun kelmarin.

MADA Kedah, Perlis manfaat RM1b tingkat pengeluaran padi

Naik taraf sistem pengaliran pastikan lebih sistematik pada musim kemarau, hujan

Olleh Noorazura Abdul Rahman dan Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Perlis akan memanfaatkan dana RM1 bilion diluluskan kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan hasil padi dalam tempoh jangka panjang.

Pengerusinya, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata untuk mendapatkan hasil padi yang tinggi, sistem pengaliran dan saliran di kawasan MADA perlu dinaik taraf bagi memastikan lebih sistematik

serta cekap pada musim kemarau dan hujan.

"Sangat penting untuk menambah baik infrastruktur saliran dan pengaliran sedia ada. Sebab itulah kita memerlukan peruntukan RM1 bilion bagi membina sistem pengaliran tersier dan memilihkan Empangan Pedu.

"Itu prasyarat dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi di kawasan MADA," katanya dihujung semalam.

Mengulas lanjut, Dr Ismail berkata, penambahbaikan infrastruktur pertanian padi bagi menyokong tanaman lima musim dalam tempoh dua tahun ialah sebahagian daripada strategi jangka panjang kerajaan untuk meningkatkan sosioekonomi pesawah.

"Inisiatif kerajaan untuk meningkatkan harga lantai padi ialah penyelesaian jangka pendek selepas mendengar rungutan pesawah.

"Bagi MADA, kita akan memberi tumpuan kepada penyelesaian jangka panjang, iaitu mereformasi industri padi supaya pe-

Bagi MADA, kita akan memberi tumpuan kepada penyelesaian jangka panjang, iaitu mereformasi industri padi supaya pengeluaran dapat ditingkatkan



Dr Ismail Salleh, Pengerusi MADA

ngeluaran dapat ditingkatkan.

"Kini usaha untuk meningkatkan hasil purata pesawah daripada kira-kira 5.2 tan sehektar kepada purata tujuh tan sehektar di kawasan MADA, jika kita berjaya mencapai tambahan dua tan itu, pendapatan petani akan meningkat," katanya.

Beliau berkata, MADA juga memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan kos pengeluaran padi semasa dengan memudahkan proses menanam hinga menuai.

"Kita perlu meningkatkan pen-

dapatan petani dan pada masa yang sama menumpukan kepada cara untuk mengurangkan kos pertanian mereka.

"Rantaian ini daripada proses membajak dua kali semusim. Lepas itu tabur benih, baja, racun menggunakan dron dan jentuai serta lori untuk angkut hasil. Semua ini memerlukan kos tinggi.

Ini usaha jangka panjang untuk optimum ataupun mengurangkan harga ini. Hanya dengan cara itu kita boleh meningkatkan taraf hidup petani," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri,

Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM1 bilion sudah diluluskan untuk disalurkan kepada MADA sebagai insentif melaksanakan program merancang produktiviti pengeluaran padi di Kedah.

Anwar berkata, program peningkatan produktiviti itu akan dilancarkan pada akhir bulan ini.

Keperluan kawasan

Sementara itu, di Georgetown, pengumuman kenaikan harga lantai padi baharu membuktikan keprihatinan kerajaan Persekutuan terhadap keluhan pesawah.

EXCO Agroteknologi dan Keperluan Makanan Pulau Pinang, Fahmi Zainol, berkata keputusan itu menyaksikan harga lantai padi dinaikkan sebanyak dua kali pada zaman pentadbiran Kerajaan MADANI, iaitu kali pertama pada 2023 dan terkini 2025.

Pada 27 Januari lalu, gabungan pesawah meminta agensi kerajaan menaikkan harga lantai padi daripada RM1,300 per tan kepada RM1,800.

'Kalau dapat RM1,800 pun tak apa'

Kerajaan diminta tetapkan harga lantai padi minimum RM1,800 demi survival petani

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA
SHAH ALAM

Rata-rata petani mengharapkan agar harga lantai belian padi ditetapkan pada kadar minimum RM1,800 per tan metrik, bagi membolehkan mereka terus bertahan dalam sektor pertanian, sekali gus menyediakan bekalan makanan negara.

Chu Ah Nya, 77, dari Kota Kuala Muda berkata, sudan mestinya petani mahukan ketetapan harga lantai belian padi mengambil kira pandangan se-

mua pihak dan tidak membebankan golongan berkenaan.

"Kalau boleh nak RM2,000, kalau tak boleh, RM1,800 pun tak apa...traktor, ran-cun, mesin padi dan upah semua mahal, ada masa hasil padi pun tak berapa menjad, kami rugi. Kadang-kadang hasil padi serelongs pun tak sampai satu tan, baguslah kalau tetapkan harga lantai," katanya.

Mohd Yatim Ismail, 64, pula berkata, harga belian padi yang tidak konsisten iaitu pernah mencecah RM1,800 per tan metrik, berubah menjadi RM1,600 per tan metrik dan pernah turun sehingga RM1,300 per tan metrik sebelum ini.

"Kami menanti pengumuman yang akan dibuat kerajaan... subsidi pun sama, nak tengok juga banyak mana peningkatan itu," ujaninya.



AH NYA

Sementara itu, Mohd Azlan Zakaria, 41, dari Yan meng-harapkan agar har-ga lantai belian padi ditetapkan dengan segera memandangkan kini kebanyakan petani sudah mula menuai hasil pada musim ini.

"Minta kerajaan tetapkan harga lan-tai dalam masa sehan dua ini, kebanyakan kami dah kerat padi, tak boleh tunggu sebab adayang sudah masak, ranum. "Kalau minggu depan takut kena penyakit bena perang, padi rebah, karah tangkal... cepat buat keputusan yang betul dan kena ada surat menyurat (arahan rasmi)."

"Kita mahukan RM1,800. Kalau tinggikan subsidi bagus juga, tetapi kena terus kepada petani," katanya.

Bagi Fazli Abdullah, 51, kos yang meningkat menyebabkan ramai petani menanggung hutang akibat hasil yang diperoleh tidak menentu.

"Sekarang ini musim kerat padi, ada yang kena harga RM1,300 merungut, nak kena bayar sewa bendang, sewa jentera... hasil tak semua menjadi, mohon kerajaan turun padang lihat sendiri keluhan kami, kalau tetapkan RM1,800 eloklah," katanya.

Menurut Aswadli Khairi Che Omar, 40, rata-rata petani masih menunggu dan mengharap kan harga lantai belian padi ditetapkan pada kadar RM1,800 per tan metrik namun, sekiranya harga ditetapkan lebih rendah, pemberian subsidi diharapkan



Kedadaan hasil padi yang tidak memuaskan, memberikan kesan terhadap pendapatan petani yang tidak menentu.



MOHD YATIM

ASWADLI KHAIRI

mampu mengurangkan beban. "Pesawah akan berpuas hati jika permintaan selama ini di-tunaikan, paling kurang fikiran untuk turunkan kos.

"Jika harga lantai bawah RM1,300 dan tiada subsidi tambahan yang lain, kemungkin-an pesawah akan tinggalkan tanaman padi sebaliknya guna kan tanah untuk usahakan tanaman lain.

"Tidak mustahil berlaku, ta-nah sewa kemungkinan diserah balik pada tuan dan jika tuan itu

pun tak mampu menanggung kos-kos meningkat, mungkin tanah bendang tersebut diulkar kepada tanaman lain daripada nak menanggung hutang yang meningkat," katanya.

Jelasnya, tindakan itu sudah tentu merugikan negara memandangkan hasil pengeluaran padi merosot, sekali gus tidak mampu memenuhi permintaan pasaran domestik. Kenaikan harga lantai padi yang baharu akan diumumkan minggu depan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi memastikan keseimbangan harga dalam pasaran beras tempatan.

Memaklumkan perkara itu pada Selasa, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kenaikan itu juga hasil perbincangan bersama Kementerian Kewangan sebelum ini.



Fazli (kiri) dan Mohd Azlan menunjukkan tanaman padi yang hampir masa untuk diuai tetapi diserang penyakit bena perang.

Farmers still in limbo over 20,000 tonnes of fertilisers

FARMERS in several northern states are in a quandary as they have yet to receive 20,000 tonnes of fertilisers from the troubled National Farmers' Organisation (Nafas), the Dewan Rakyat was told.

The issue was raised by Datuk Seri Ronald Klandee (PN-Beluran), who claimed that farmers in six states, including the Farmers Organisation Authority (LPP), have yet to get subsidised fertilisers.

"Farmers in Kelantan, Perlis, Kedah, Penang and Perak are still waiting for the fertilisers.

"For example, there are still more than 4,000 tonnes of fertilisers yet to be distributed in Kelantan, 8,000 tonnes in Kedah and 9,100 tonnes in Perlis.

"Nafas should be more action-driven and efficient," he said when raising the issue during Question Time.

Cha Kee Chin (PH-Rasah) said it would take some time to implement the proposed improvements for the organisation.

"In relation to what was raised by Beluran on the distribution of fertilisers, what short-term measures are being taken to address the delay?" he said.

Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup acknowledged that Nafas has been over-reliant on handling the distribution of subsidised fertilisers.



Staple crop: Farmer Amran Sani Sudin inspecting the crop at his padi field in Kampung Padang Tok Sora, Merbok, Kedah. — Bernama

"At the same time, they have not been able to carry out the work well, particularly in the last three years," he said, adding that efforts are ongoing to improve Nafas' operations.

Responding to Cha, the deputy minister said an extension has been given to Nafas to complete the distribution of the subsidised

fertilisers to the affected states.

Earlier, Kurup informed the House that an eight-point strategy is being implemented to improve Nafas' operations.

Among the strategies are the setting up of an independent committee to review the organisation's business plan over the next five years and forced merger or

winding up of subsidiary companies that are inactive.

Other measures involve the restructuring of personnel, including limiting their authority.

On Jan 28, a former Nafas officer claimed trial to two counts of receiving bribes totalling about RM1.32mil from a Singaporean fertiliser supplier company.

Dasar Beras Negara tidak dikemas kini lebih 20 tahun

KANGAR: Dasar beras negara yang tidak dikemas kini sejak lebih dua dekad lalu kini mencetuskan pelbagai masalah yang membelenggu pesawah, pengilang, dan pengguna.

Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman, berkata harga beras tempatan yang kekal pada RM26 bagi 10 kilogram selama hampir 20 tahun tidak lagi relevan dengan kos pengeluaran padi yang semakin meningkat, manakala harga beras di negara jiran jauh lebih tinggi.

Menurutnya, harga siling beras yang rendah itu sudah tidak sesuai dengan keadaan ekonomi semasa dan mendesak agar dasar ini disemak semula.

Beliau menegaskan, harga belian padi yang merosot kepada RM1,300 per tan metrik menyebabkan pengilang tidak mampu membeli padi pada harga yang adil.

"Hampir 100 peratus kilang beras Bumiputera sudah gulung tikar, daripada



Marzukhi Othman

147 kilang di seluruh negara, kini hanya tinggal tujuh yang bertahan," katanya, sambil menambah bahawa kilang-kilang ini kini berdepan tisiko ditutup sepenuhnya.

Marzukhi mencadangkan agar beras tempatan dan beras import diseragamkan di bawah satu label dengan harga sekitar RM32 hingga RM34 bagi setiap 10 kilogram.

Harga ini, katanya, masih lebih rendah berbanding negara lain dan boleh memberi keseimbangan kepada semua pihak, ter-



Harga beras tempatan yang kekal pada RM26 bagi 10 kilogram kini tidak lagi relevan.

masuk pesawah dan pengilang.

Beliau turut mengingatkan bahawa pengguna sering tertipu dengan label beras import yang sebenarnya mengandungi 60 peratus beras tempatan.

"Disebabkan dasar yang lapuk ini, pengguna menikmati beras 'tempatan' pada harga import.

"Kita sudah jauh ketinggalan berbanding negara lain. Contohnya di Thailand, mereka telus dan ada label

yang menyatakan jika ada campuran beras," katanya kepada *Harakah*.

Terdahulu, golongan pesawah turut mengeluh dengan harga lantai belian padi yang rendah, menyebabkan mereka mengalami kerugian besar.

Mereka mendesak kerajaan menaikkan harga lantai padi kepada RM1,800 per tan metrik bagi menampung kos penanaman yang semakin meningkat.

Seorang pengilang dari

Pulau Pinang, Khor Ah Peng, berkata harga RM26 bagi 10 kilogram sudah tidak lagi relevan dan menyebabkan pengilang terpaksa menanggung kerugian hampir RM900 juta setahun.

"Bagi memastikan kestabilan industri beras tempatan, langkah segera perlu diambil untuk mengemas kini dasar beras negara, yang akan memberi keadilan kepada semua pihak, termasuk pesawah, pengilang, dan pengguna," katanya.

Jawatankuasa khas bebas kaji semula operasi NAFAS ditubuh

Sebuah jawatankuasa khas bebas akan ditubuhkan untuk mengkaji semula semua operasi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) termasuk mengesyorkan pelan perniagaan baharu untuk lima tahun akan datang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup, berkata usaha itu antara lain bagi memastikan NAFAS tidak terlalu bergantung kepada projek pembekalan baka daripada kerajaan. Selain menjalankan siasatan untuk memulihkan kembali reputasi dan imej NAFAS, beliau berkata lapan strategi pembaharuan dan hala tuju turut dirangka dalam menstrukturkan semula agensi itu supaya dapat dipulihkan serta bertungsi mengikut objektif asalnya.

"Pertama, penambahbaikan takelola NAFAS memabitkan pindaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 ke arah menambatkan komposisi dan tatakelola ahli jemaah pengarah (AJP) bagi mengelakkan pertindihan kuasa dan fungsi antara pengurusan dan AJP NAFAS serta menstruktur dan memperkasa peranan ahli lembaga pengarah (ALP) dalam syarikat subsidiari NAFAS.

"Kedua, penilaian dan penstruktur semula tadbir urus mengikut Skim Perkhidmatan Personel NAFAS yang diluluskan oleh Pendaftar NAFAS juga perlu menyusun semula kakitangan sedia ada mengikut bidang keutamaan dalam operasi dan perniagaan NAFAS. Kawalan dan had kuasa kakitangan NAFAS akan ditetapkan dalam dokumen Limit of Authority (LoA).

"Ketiga, penstruktur semula syarikat subsidiari NAFAS melalui proses penggabungan bagi meningkatkan kecekapan operasi dan penjimatan kos dan melaksanakan proses penutupan baki mana-mana syarikat yang tidak layak serta menjadi liabiliti

kepada akaun kumpulan NAFAS," katanya pada sesi pertanyaan jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Datuk Seri Dr Ronald Klandee (PN-Beluran) meminta kementerian itu menyatukan strategi pembaharuan menyeluruh untuk melindungi reputasi dan integriti NAFAS serta memulihkan keyakinan ahli peladang di samping mempertahankan pengurusan serta operasi agensi berkenaan.

Mengenai strategi keempat, Arthur berkata, pihaknya menjalankan audit pengurusan dan pemantauan berterusan secara berjadual untuk memastikan ketelusan dalam urusan kewangan dan keputusan pentadbiran.

Strategi kelima, pihaknya melaksanakan pengukuhan mekanisme semak dan imbang melalui penubuhan jawatankuasa khas yang bebas dan bertanggungjawab mengawasi keputusan penting serta mencegah penyalahgunaan kuasa.

"Keenam, penguatkuasaan kod etika dan integriti bagi memastikan semua AJP dan kakitangan mematuhi standard integriti yang tinggi. AJP dan kakitangan diwajibkan menghadiri latihan etika tadbir urus baik dan kesedaran undang-undang.

"Ketujuh, mempelbagaikan sumber pendapatan NAFAS dengan melaksanakan kajian semula perniagaan dan projek semasa bagi memfokuskan kepada perniagaan yang berdaya maju dan tidak terlalu bergantung kepada sektor pembekalan baka.

"Kelapan, pemulihan kepercayaan awam melalui kempen kesedaran awam bagi memulihkan imej NAFAS sebagai organisasi yang komited kepada peladang serta pembangunan sektor pertanian dan keterjaminan makanan," katanya.

IMPROVING GOVERNANCE

Task force to breathe new life into Nafas

KUALA LUMPUR: An independent task force will be established to reevaluate the operations of the National Farmers Organisation (Nafas) and propose a new five-year business plan.

Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup said the ministry would improve Nafas' organisational structure.

"We acknowledge that Nafas has been overly dependent on government fertiliser supply projects," said Arthur, adding that the organisation had struggled to carry out its responsibilities.

He was responding to supplementary questions from Datuk Seri Ronald Khandee (PN-Belu-ran) on claims that the farmers in Kelantan, Perlis, Kedah, Penang and Perak were still waiting for the distribution of nearly 15,000 tonnes of fertiliser that had been delayed by Nafas.

"We cannot ignore the fact that Nafas was established based on shareholder ownership. The proposed improvements and the formation of an advisory council are expected to enhance Nafas' management."

"However, if we look at the situation in Kelantan, Kedah, Perlis, Penang and Perak, farmers are still waiting for fertilisers from Nafas," he said.

Arthur outlined eight strategies to enhance Nafas' operations.



The National Farmers Organisation (Nafas) headquarters in Kuala Lumpur. Nafas has struggled to carry out its responsibility of distributing fertiliser to padi farmers.

NST FILE PIC

Among them is amending the Farmers' Organisation Regulations 1983 to improve the structure and oversight of the board of directors.

This, he said, would prevent overlaps in authority and functions between Nafas' management and board, while reinforcing the board's role in subsidiary companies.

Arthur said aligning Nafas' governance structure with the personnel service scheme was another measure to revive Nafas.

"This includes the reassigning staff according to priority areas in Nafas' operations and business.

Limits of authority for Nafas staff will be clearly outlined in the

Limit of Authority document," he said.

Arthur said Nafas subsidiaries would be merged to improve operational efficiency and cut costs while implementing a winding-up process for non-viable companies that posed a liability to Nafas group accounts.

He said regular audits and scheduled monitoring were vital to ensure financial transparency and accountability in administrative decisions.

To prevent abuse of power, Arthur said an independent committee would be formed to oversee key decisions.

"Nafas will also enforce ethical and integrity standards, require

ing all board members and staff to adhere to strict integrity guidelines. They will undergo mandatory training in ethics, governance and legal compliance.

"In addition, Nafas will diversify its source of income by reviewing its business activities and projects to focus on sustainable enterprises and reducing its dependence on the fertiliser supply sector.

"Restoring public trust is another priority, with awareness campaigns planned to rebuild its reputation as an organisation dedicated to farmers, as well as the development of the agricultural sector and food security," he said.

Dana RM300,000 tanaman anggur, melon madu, bawang



Pusat ternakan rusa di Agro Valley Ronh Chenok, Pasir Mas.

PASIR MAS: Menteri Besar Kelantan, Dato' Panglima Perang Ustaz Mohd Nassuruddin Daud, mengumumkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM300,000 bagi memajukan sektor pertanian di negeri itu, khususnya untuk tanaman anggur, melon madu Kelantan (MMK), dan bawang.

Beliau berkata, peruntukan tersebut merangkumi RM50,000 bagi pengembangan tanaman anggur, RM150,000 untuk melon madu Kelantan, dan RM100,000 untuk pembangunan tanaman bawang.

Pengumuman ini dibuat selepas beliau mengadakan

lawatan ke ladang pertanian di Agro Valley Rong Chenok, Pasir Mas baru-baru ini untuk melihat perkembangan tanaman yang diusahakan di sana.

"Saya berharap peruntukan ini akan digunakan sebaik mungkin untuk membantu mencapai matlamat Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara," katanya dalam hantaran Facebooknya.

Selain itu, Nassuruddin turut mempengerusikan Mesyuarat Anggota Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) di Bilik Gerakan Ladang Rong Chenok pada hari yang sama.

Pelbagai agenda dibincangkan dalam mesyuarat tersebut bagi memperkukuhkan sektor pertanian serta meningkatkan pengeluaran hasil pertanian, termasuk memperkasakan peranan petani dan usahawan agro.

Agro Valley Rong Chenok, yang diselia sepenuhnya oleh PKPNK bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan, bakal dijadikan destinasi agro-pelancongan.

Pembangunan kawasan seluas 600 ekar itu melibatkan penternakan rusa dan lembu hibrid, serta penanaman sayur-sayuran hidroponik yang bebas daripada bahan kimia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2025	HARIAN METRO	LAPORAN KHAS	6

PENGURUS Ladang BoomGrow, Syafi Shamsuddin memberikan perhatian dan penjagaan sepenuhnya supaya keadaan sayur-sayuran segar bersih dan berkualiti.



TANAM SAYUR DALAM BANGUNAN

Teknologi FarmOS mampu hasilkan tanaman segar bebas kimia

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

Shah Alam

Pengalaman sukar mendapat sayuran segar di pasaran yang bebas racun mahupun bahan kimia selain isu perubahan cuaca mencetus idea buat wanita ini untuk bertani dalam bangunan tanpa penggunaan kawasan yang luas.

Pada masa sama, ia membuka ruang kerana Malaysia berpotensi dalam penerokaan agroteknologi sekali gus memerlukan lebih ramai pakar dalam bidang pertanian moden ini.

Malah, ia juga berupaya menjadi alternatif penyelesaian dalam isu keselamatan makanan, penggunaan racun pestisid, bahan kimia dalam makanan selain masalah pengangguran.

Pengasas bersama BoomGrow, Jay Desan yang mengusahakan pertanian moden dalam bangunan sejak 2019 berkata, cabaran utama Malaysia dalam pertanian adalah isu perubahan iklim yang menyebabkan sukar mendapat sayur segar secara konsisten.

"Saya melihat sukarnya mendapatkan makanan segar di pasaran dan pasar tani pun jauh dari tempat tinggal saya di bandar, berbanding ketika kami se-

luarga duduk di United Kingdom kerana mudah mendapatkan makanan segar.

"Masih banyak perbezaan dan kelemahan dalam amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di negara ini, contohnya makanan yang kita makan mengandungi racun pestisid, malah kita terpaksa membawa sumber dari ladang jauh ke bandar sebelum sampai kepada masyarakat.

"Jadi itulah antara permulaan saya dan suami bersama rakan bergabung kepakaran untuk mengeluarkan sumber makanan tanpa racun berdekatan tempat tinggal masyarakat bandar dengan menggunakan teknologi," katanya.

Pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Kelestarian dari Universiti Queen Mary, London itu berkata, Malaysia boleh memanfaatkan teknologi FarmOS untuk membangunkan pertanian jitu (precision farming) yang dapat dikawal menerusi data.

"Cabaran pertanian ialah kita berdepan dengan perubahan iklim seperti kemarau dan banjir serta keluasan tanah, jadi dengan teknologi ki-

ta boleh meniru keperluan air, cahaya dan kelembapan mengikut persekitaran semula jadi tumbuhan selain penyelesaian kepada masalah banjir.

"Cuma bezanya dengan precision farming, tumbuhan seperti sayur ditanam dalam bangunan, ia tidak perlu tanah luas serta data keperluan tumbesaran sayur boleh dikawal agronomist (ahli agronomi) dengan formula ditetapkan mengikut kesesuaian tumbuhan itu bagi memastikan ia dapat membesar secara optimum.

"Sistem ini 100 peratus dibangunkan kami sebagai anak tempatan dan setiap formula dipatenkan bermula dari ladang

sehingga sumber itu diangkut kepada pengguna akhir," katanya.

Katanya, menerusi teknologi, setiap proses kerja akan menjadi sangat efisien, malah lebih menarik terutama kepada anak muda kerana ahli agronomi menggunakan sains dan data untuk mengeluarkan sumber terbaik di pasaran.

"Proses bekerja lebih efisien dengan hanya memerlukan dua agronomist saja di satu ladang kerana semua elemen seperti cahaya, air dan kelembapan semuanya sudah ditetapkan dalam sistem.

"Ini juga membuka peluang pekerjaan kepada anak muda kerana bukan hanya dapat bekerja di bandar berdekatan rumah, malah dalam bangunan berhawa dingin," katanya.

Jay Desan berkata, sehingga kini BoomGrow memasarkan pelbagai jenis salad kepada hotel dan pasar raya terpilih serta memiliki 10 ladang agroteknologi dalam negara selain enam di luar negara yang dikendalikan 30 ahli agronomi terdiri daripada graduan tempatan.

"Sistem ini 100 peratus dibangunkan kami sebagai anak tempatan Jay Desan"



'Dapat pendedahan awal dari rumah'

Shah Alam: Suatu ketika dulu, tidak ramai anak muda mahu menceburi bidang pertanian yang dianggap pekerjaan kelas bawahan dan tidak popular kerana kotor, perlu berpanas terik dan berhujan di ladang.

Tetapi, kini perkembangan agroteknologi yang pesat menjadi alternatif ramai pengusaha untuk mengeluarkan sumber pertanian lebih efisien, optimum dan selamat daripada bahan kimia dan racun dengan memanfaatkan teknologi semasa.

Trend ini sekali gus menarik minat anak muda dan graduan untuk menceburi bidang ini kerana majoriti skop pekerjaan berdasarkan analisis data dan sains serta selesa kerana bekerja dalam bangunan berhawa dingin. Ikuti perkongsian graduan tempatan ini yang mempunyai pandangan berbeza dengan memilih bidang pertanian dalam kerjaya mereka.

KISAH 1

Minat menceburi bidang pertanian mula bercambah sejak kecil apabila bapa wanita ini bercucuk tanam di belakang rumah mereka.

Nur Fadhliah Alaudin, 27, berkata dia tertarik mengambil jurusan agroteknologi di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kerana mendapat pendedahan awal mengenai bidang pertanian sejak dari rumah.

"Ayah saya cuma juruteknik, tetapi dia minat bercucuk tanam di belakang rumah dan faham keperluan sektor ini pada masa depan. Kebanyakan dia belajar menanam terutama hidropnik melalui YouTube.

"Mungkin orang lain lebih memilih kerjaya korporat dan pejabat, tetapi saya memilih bidang ini kerana nampak pertanian ada masa depan cerah dan sampai bila-bila pun kita memerlukan makanan.

"Jadi, saya nampak kepentingan membawa ilmu menggunakan teknologi untuk memajukan sektor pertanian negara kita kerana jika sektor ini tidak dimajukan atau dianggap tidak penting oleh masyarakat maka ia sesuatu yang merisaukan generasi akan datang," katanya.



"Saya memilih bidang ini kerana nampak pertanian ada masa depan cerah"

Nur Fadhliah Alaudin

Menurutnya, agroteknologi memberikan data diperlukan untuk memperbaiki kualiti sumber makanan seperti sayuran dan buah-buahan serta selamat dimakan pengguna kerana bebas bahan kimia dan racun berbahaya. "Bagi saya, kita perlukan pengalaman dan pengetahuan untuk memajukan sektor pertanian sebab tidak boleh bergantung kepada pertanian konvensional lagi jika tidak kita mungkin akan ketinggalan dari negara lain.

"Dengan agroteknologi, saya boleh cakap ia membantu meningkatkan kualiti dan menjamin keselamatan makanan kerana sayuran dikeluarkan dalam sektor ini tidak sama dengan di pasar yang biasa kita beli.

"Bukan bermaksud saya kata sayuran yang dimakan (ketika ini) itu tidak bagus, tetapi kita ada pilihan sumber mana yang terbaik," katanya.

Katanya, perkembangan kerjaya dalam bidang ini juga tidak memerlukan tempoh lama seperti sektor lain.

"Saya bermula dari bawah sebagai junior agronomist sebelum naik pangkat kepada eksekutif operasi. Selama dua tahun berkecimpung dalam bidang ini, saya banyak pelajari macam mana mengeluarkan sumber berkualiti serta pengalaman di ladang banyak membantu dalam membuat keputusan dan menyelesaikan isu kerana masalah tumbuhan ini tak dijangka.

» LIHAT MUKA 7

6/2/2025

HARIAN
METROLAPORAN
KHAS

7

» DARI MUKA 6

"Saya yakin bidang ini akan menjadi tarikan kepada anak muda dan generasi akan datang kerana dalam bangunan pun kita mampu bercucuk tanam."

"Tidak memerlukan tanah (yang luas), hanya dengan lampu kita mampu mendapatkan fotosintesis selain kadar kelembapan, air dan udara yang diformulasikan melalui data dan dikawal sepenuhnya dalam sistem," katanya.

KISAH 2

Dari lulusan pemarkasan, pemuda ini mencabar diri menceburi kerjaya dalam bidang pertanian kerana melihat masa depan sektor itu cerah.

Rizal Zakri, 30, berkata banyak cabaran dilaluinya kerana perlu bermula dari bawah ketika mula menyertai syarikat agroteknologi pada 2021 sebelum dilantik mengetuai semua operasi di ladang bangunan berkenaan.

"Saya tertarik bekerja dalam bidang ini sebab saya ingin cabar diri belajar perkara baharu iaitu pertanian menggunakan kaedah sains dan teknologi."

"Tujuan saya masuk pertanian mahu sebarikan kesedaran kerana ramai orang masih tidak faham kepentingan hidup serta mengambil makanan sihat," katanya.

Menurut Rizal, dia seronok dapat meneroka bidang baharu yang menjamin masa depannya.

"Memang saya akui pada mulanya sukar kerana bertukar bidang, tetapi dengan semangat kuat dan sokongan keluarga akhirnya saya berjaya capai apa matlamat saya di sini."

"Setiap hari saya akan belajar benda baharu dan ia banyak membantu saya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Jadi



"Saya ingin cabar diri belajar perkara baharu"
Rizal Zakri

tidak salah tukar bidang asalkan ada minat dan mahu belajar dan majukan diri," katanya.

Katanya, pertanian dalam bangunan memberikan banyak kelebihan berbanding pertanian di luar.

"Bagi saya pertanian dalam bangunan seronok kerana sejuk berhawa dingin selain tidak perlu risau pasal cuaca macam hujan atau ribut atau ancaman serangga dan makhluk perosak kerana semua sudah ditetapkan mengikut persekitaran semula jadi tumbuhan itu untuk memastikan tumbesaran menjadi," katanya.

KISAH 3

Sama seperti menanam di ladang terbuka, pertanian menggunakan teknologi dan inovasi memberi kelebihan tersendiri apabila cara kerja dilakukan lebih

efisien dan tidak perlu berpanas dan berhujan.

Bagi Muhd Irfan Fikri, 28, dia bersyukur kerana mendapat laluan kerjaya berdasarkan kelulusannya dalam jurusan sains pertumbuhan.

"Semasa fasa Covid-19 saya bekerja di luar bidang, tetapi selepas dua tahun akhirnya rezeki saya diterima sebagai junior agroteknologi."

"Melalui agroteknologi ini, kita tidak perlu lagi bekerja di ladang di bawah terik matahari dan berhujan tetapi dalam bangunan pun kita boleh menanam sayur dengan menggunakan teknologi."

Berdasarkan pembacaan saya, ada pengeluaran makanan tertentu di Malaysia ini tidak sampai 100 peratus, jadi perlu lebih ramai lagi terutama anak muda menceburi bidang ini supaya kita dapat capai kadar pengeluaran yang didasarkan sekali gus tidak perlu import sumber dari negara luar," katanya.

Katanya, setiap hari tugasnya sama seperti di ladang, namun menggunakan teknologi untuk mengawal data seperti kandungan baja dan pH air

selain semuanya dilakukan dalam bangunan berhawa dingin.

"Tugas saya semai benih beberapa jenis kartiva dan sayur dalam span dan apabila benih sudah bercambah menjadi anak pokok, saya akan masukkan dalam bekas besar berisi air."

"Dalam keadaan tertentu, saya perlu mengambil data baja dan pH air untuk membunuh baja biar sesuai dengan keadaan penyerapan pokok."

"Ada juga bahagian lain, mereka perlu kawal pertumbuhan pokok dan tahap suhu dan kelembapan," katanya.

Sementara itu, lulusan sarjana sains agronomi, Syufi Shamsuddin, 33, pula berkata, agroteknologi dapat mengaplikasikan kaedah penanaman bebas daripada racun dan kimia dan serangga perosak.



"Melalui agroteknologi ini, kita tidak perlu lagi bekerja di ladang di bawah terik matahari dan berhujan tetapi dalam bangunan pun kita boleh menanam sayur dengan menggunakan teknologi"

Muhd Irfan Fikri

Pertanian moden tingkat hasil optimum

Serdang: Sistem pertanian moden membantu meningkatkan hasil optimum dan kaedah kerja lebih efisien.

Pakar Hortikultur (Olerikultur) atau pengeluaran sayuran, Dr Juju Nakasha Jaafar berkata, pertanian moden menggunakan kawasan tanpa melihat tahap kesuburan tanah.

"Lebih banyak kawasan boleh diterokai untuk pertanian. Ada juga kaedah pertanian moden seperti hidroponik yang dapat menjimatkan penggunaan air."

"Justeru, aktiviti pertanian boleh dilakukan di kawasan yang berada jauh dari sumber air," katanya kepada Harian Metro.

Pensyarah Kanan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia itu berkata, penggunaan teknologi yang optimum dapat membantu petani dari pelbagai sudut.

"Dengan mengambil aspek keselamatan makanan, ia bukan saja perlu menilai penggunaan racun, tetapi menilai dari sudut penggunaan baja."

"Penggunaan teknologi seperti pemantau pintar dengan 'sensor' di mana terdapatnya sistem yang bertindak untuk memantau pemberian baja kepada tanaman mengikut kadar diperlukan saja."

"Selain itu, terdapat juga teknologi iaitu menggunakan dron untuk menyebarkan racun kepada tanaman dengan dos yang sekata dan selamat," katanya.

Selain itu, katanya dengan penggunaan sistem itu sendiri juga dapat mengurangkan penggunaan racun seperti penggunaan teknik fertisasi berbanding konvensional.

"Teknik fertisasi menggunakan kurang racun berbanding konvensional disebabkan serangga perosak dan penyakit yang kurang berbanding konvensional."

"Begitu juga dengan sistem hidroponik dan menggunakan rumah kaca yang dapat mengurangkan tekanan persekitaran seperti serangga, hujan, angin kuat dan sebagainya," katanya.

Menurutnya, pertanian moden untuk komersial adalah kaedah lebih bagus kerana ia berskala lebih besar.

"Apabila melaksanakan



"Lebih banyak kawasan boleh diterokai untuk pertanian"

Pakar Hortikultur, Dr Juju Nakasha Jaafar

pertanian berskala lebih besar, ia mempunyai lebih perkara yang perlu diambil kira seperti memerlukan tenaga kerja ramai, sumber air, baja yang lebih selain cabaran lain termasuk risiko serangga perosak dan penyakit yang sudah pasti memerlukan masa lebih untuk membuat peman-taan.

"Untuk situasi seperti ini, pertanian moden seperti penggunaan kaedah teknologi Internet Kependidikan (IoT) atau kecerdasan buatan (AI) adalah penting," katanya.

Bagaimanapun Juju Nakasha berkata, pertanian moden tidak boleh dikatakan sebagai medium terbaik bagi menggantikan kaedah konvensional kerana ia bersifat subjektif dan bergantung kepada situasi.

"Sebagai contoh dalam situasi pertama iaitu kebun komuniti yang mana ahli-ahlinya adalah warga emas."

"Mereka melaksanakan aktiviti kebun bandar dengan tujuan mendapatkan bekalan sumber sayur-sayuran dan herba selamat dan dijadikan kebun komuniti itu sebagai plot sosial."

"Rata-rata bagi golongan ini lebih memilih untuk melaksanakan aktiviti kebun bandar secara konvensional kerana bagi mereka dapat melaksanakan aktiviti pertanian secara bersama-sama sambil bersenang dan berkomunikasi di antara satu sama lain dalam kelompok generasi sama," katanya.

